

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

YUP 402 - Periklanan Peringkat Maju

Masa: [3 jam]

---

Bahagian A: Soalan ini wajib dijawab. Semua soalan membawa markah yang sama.

1. Sebuah firma bernama Kao Inc. telah memperkenalkan suatu 'deodorant' baru bergelar Kao Flash. Ia menggunakan Vitamin E sebagai ramuannya. Vitamin E bertindak sebagai 'antioxidant', menghalang oksigen daripada bertindak dengan peluh, lantas menghindarkan baunya.

Kebanyakan deodorant menggunakan 'hexa-chlorophene' sebagai ramuan yang aktif. Tetapi ubat-ubat lain telah diganti bila mana 'hexa-chlorophene' didapati kurang selamat. Tiada barangan lain yang menggunakan Vitamin E.

Di antara kebaikan Vitamin E ialah, ia bukan suatu bahan kimia yang merbahaya dan tiada mempunyai apa-apa kesan sampingan bila digunakan sebagai deodorant. Ia tidak lekat pada kulit dan tidak juga menjejaskan proses perpeluhan yang biasa.

Tegasnya, Kao Flash adalah difikirkan sebagai barangan seisi keluarga. Ia dijual dalam bekas aerosol seberat hanya 7 oz. Setiap pembelian tiga pak Kao Flash akan dihadiahkan dengan sebuku sabun Kao yang berukuran kecil.

Anda adalah diminta untuk menulis satu landasan kapi (copy platform) bagi Kao Flash ini. Iklan yang dicadangkan ialah iklan TV 30 saat.

Bahagian B: Pilih dan jawab DUA daripada soalan-soalan berikut:

2. Berikut adalah pernyataan konsep bagi detergen cecair yang berubat:

"Splash" adalah pencuci detergen cecair yang baru bagi kegunaan di rumah. Ia diadunkan khas supaya ia bukan sahaja menghilangkan kekotoran tanpa disental, tetapi membunuh kuman yang ada. Ia membawa rasa keharuman yang segar."

Tuliskan satu "headline", badan kapi dan slogan bagi melancarkan barangan ini. Terangkan juga aspek visual dan aturletak iklan tersebut.

3. JUTA merupakan sebuah syarikat pengeluar jam tangan yang terbesar di Malaysia. Baru-baru ini jurutera-jurutera pengeluaran syarikat tersebut telah mencipta sejenis jam tangan baru dan dijangkakan akan mendapat sambutan hebat dari pengguna. Ciri-ciri jam tangan tersebut adalah seperti berikut: (a) jenama yang bakal digunakan ialah JUTA MVT, (b) ia merupakan jam tangan automatik, (c) mempunyai haribulan, (d) alarm dan boleh digunakan sebagai stopwatch, dan (e) tahan gegaran dan tidak masuk air hingga ke paras 200 meter.

Sebagai seorang pengarah kreatif, anda diminta untuk menentukan daya tarikan (appeal), pelaksanaan pengiklanan dan jenis iklan yang akan anda gunakan dengan memberi sebab-sebab kepada perkara-perkara tersebut. Andaikan bahawa anda akan menerbitkan iklan TV 30 saat.

4. Perilly's merupakan jenama rokok baru yang dipasarkan oleh St. Regis Tobacco Corporation. Masalah yang dihadapi oleh mereka ialah, amat kurang maklumat pasaran yang mereka perolehi. Sebagai seorang Eksekutif Akaun syarikat pengiklanannya, anda ditugaskan untuk mencari maklumat-maklumat tersebut. Terangkan skop penyelidikan yang bakal anda lakukan itu.